

NO. SOALAN: 55

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kedudukan Islam
sebagai Agama Persekutuan di negara ini.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan Islam
sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana yang berikut :

*“Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain
boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana
bahagian Persekutuan.”*

Peruntukan tersebut jelas telah menetapkan kedudukan agama Islam yang diiktiraf sebagai agama bagi Persekutuan. Secara keseluruhannya, agama Islam itu bukanlah terhad kepada hal-hal yang bersifat ritual semata-mata tetapi merangkumi semua urusan kehidupan. Ini adalah kerana, terdapat beberapa peruntukkan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang perlu dibaca bersama dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan bagi menjelaskan lagi kedudukan agama Islam.

Antara peruntukan-peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengukuhkan lagi kedudukan agama Islam adalah seperti berikut:

- (a) Perkara 11 memperuntukkan berkenaan dengan kebebasan tiap-tiap orang untuk menganuti dan mengamalkan agama masing-masing tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkannya yang mana Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang negeri dan Persekutuan boleh digubal untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

- (b) Perkara 12(2) memperuntukkan bahawa Persekutuan atau sesuatu Negeri boleh menubuhkan atau menyenggara atau membantu dalam menubuhkan

atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud tersebut.

- (c) Perkara 38 memperuntukkan berkenaan dengan fungsi dan peranan Majlis Raja-Raja.
- (d) Perkara 74(2) memperuntukkan berkenaan dengan kuasa Badan Perundangan sesuatu Negeri untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.
- (e) Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah yang mana Mahkamah Syariah berhak membuat penentuan perkara-perkara di bawah bidang kuasanya terhadap orang-orang yang ia mempunyai bidang kuasa iaitu orang Islam. Mahkamah Sivil tidak boleh campur tangan dalam perkara-perkara yang diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan tidak boleh campur tangan dalam keputusan Mahkamah Syariah.

- (f) Perkara 160(2) memperuntukkan tafsiran bagi perkataan 'Orang Melayu' yang mana perkara ini menyatakan dengan jelas bahawa salah satu elemen penting bagi orang Melayu ialah mereka hendaklah orang yang menganuti agama Islam; dan
- (g) Senarai II Jadual Kesembilan memperuntukkan senarai perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa negeri.

Berdasarkan peruntukan-peruntukan tersebut, adalah jelas bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah mengiktiraf kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan semua pihak wajar menghormati perkara tersebut bagi menggalakkan penyatuan serta mewujudkan keamanan dan keharmonian, tidak kira bangsa, budaya dan agama yang diamalkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (56)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 MAC 2018
[ISNIN]DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

SOALAN :

YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah cadangan oleh pihak Kementerian bagi penubuhan satu suruhanjaya khas bagi menyelaraskan pelaksanaan projek perumahan terutamanya projek perumahan mampu milik supaya isu lambakan rumah mewah dan kenaikan harga rumah di pasaran dapat diminimumkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengalu-alukan cadangan penubuhan satu suruhanjaya khas bagi menyelaraskan pelaksanaan projek perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan telah mempunyai beberapa platform yang khusus bagi membincangkan isu perumahan ini secara kolaborasi antara agensi-agensi Kerajaan serta pemain-pemain industri termasuklah sektor swasta seperti:-

- 1) Majlis Perumahan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri;
- 2) Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee*) mengenai isu-isu perumahan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri;
- 3) Mesyuarat - mesyuarat berkala yang diadakan oleh pihak Kementerian dengan kolaborasi agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Kerajaan melalui kerjasama secara NBOS juga sedang menyelaraskan maklumat perumahan dan hartanah secara bersepadu antara Jabatan Perumahan Negara, KPKT dan Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan kerjasama Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018